

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Thursday, 10 August, 2017 3:25 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: REFLEKSI DIRI SM SAINS TUANKU SYED PUTRA PERLIS EFEKTIF



10 OGOS 2017 / 17 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

REFLEKSI DIRI SM SAINS TUANKU SYED PUTRA PERLIS EFEKTIF



ANJUNG TAMU ONLINE: Apa itu refleksi? Selalunya refleksi dibuat selepas sesuatu pengajaran berlaku atau boleh juga membuat refleksi diri dengan pengalaman pembelajaran serta pendedahan yang diperolehi. Pendekatan ini diaplikasikan oleh Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra (SMSTSP), Kangar, Perlis yang ingin mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi serta belajar mengamati apa yang berlaku di sekeliling.

Justeru, 90 pelajar SMSTSP Discover UUM dengan titik permulaan destinasi mereka di Welcome Centre bagi memerhati secara terperinci apa yang berlaku di sekeliling mereka serta menilai sama ada peristiwa tersebut berlaku disebabkan oleh alam sekitar atau ada hubungan dengan orang lain.

Menurut guru pengiring selaku ketua rombongan, Norlida Abu Bakar,

“Mengenali UUM di rimba hijau serta meningkatkan keyakinan diri pelajar antara tujuan lawatan ke sini.”

Jelaslah, sejarah penubuhan dan pencapaian UUM, Dewan Muadzam Shah, fasiliti yang disediakan ada hubung kait yang menyuntik inspirasi kepada mereka untuk tingkatan keyakinan diri agar terus gigih berusaha.

Dalam konteks ini, refleksi diri yang dilalui semasa taklimat disampaikan oleh Welcome Centre memberi ruang kepada mereka untuk mengingat kembali apa yang telah dilalui semasa Discover UUM serta menyatakan perasaan sendiri terhadap peristiwa atau pengalaman tersebut. Bahkan berpeluang memberi pendapat atau maklumbalas terhadapnya semasa sesi taklimat.

Seterusnya, mereka perlu merancang apa sepatutnya dibuat pada masa sekarang dan akan datang untuk memperbaiki prestasi pelajaran atau tindakan pada masa depan. Apa yang hendak dilaksanakan hendaklah perubahan kepada keadaan yang lebih baik.

"Terbaik!", ujar Izzatul Ashikin Ishak, guru yang merakamkan ucapan terima kasih kepada UUM setelah selesai lawatan yang menurut beliau amat berkesan kepada SMSTSP.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.